

Syarat-Syarat Permohonan Lesen Penjaja Bergerak

LESEN

1. Lesen yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran hendaklah dipamerkan ditempat yang mudah dilihat pada setiap masa (seksyen 107 Akta 171)
2. Lesen hendaklah dipamerkan di dalam patil yang disediakan oleh Majlis Perbandaran supaya berkeadaan sempurna. Patil yang telah rosak atau hilang perlu diganti dengan menghubungi Majlis Perbandaran dalam kadar segera.
3. Bayaran lesen hendaklah dijelaskan sebelum atau pada **31 Disember** pada tiap-tiap tahun.
4. Lesen tidak boleh disewa atau dipindah milik tanpa kelulusan Majlis Perbandaran Bentong.
5. Adalah diingatkan bahawa Majlis Perbandaran Bntong boleh membatalkan lesen tanpa memberi sebarang sebab. Selain dari kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang tersebut, Majlis boleh mengeluarkan syarat-syarat tambahan dari masa kesemasa mengikut keadaan. (seksyen 107 (3) Akta 171).

KADAR LESEN

Lesen penjaja bergerak: RM 30.00

Lesen penjaja tetap: RM 60.00

KERETA JAJA

1. Mengadakan kereta jaja piawai/ beca/ motosikal & basikal roda tiga yang mempunyai rekabentuk yang diluluskan oleh Majlis.
2. Kereta jaja jenis motosikal roda tiga, van, lori kecil, kereta persendirian, wagen atau sebarang kenderaan berjentera mestilah mendapat kelulusan/ permit daripada Jabatan Pengangkutan Jalan.
3. Kereta jaja hendaklah dibawa kebahagian pelenan Majlis Perbandaran pada waktu pejabat untuk diperiksa dalam tempoh tiga bulan dari lesen dikeluarkan.
4. Pelesen yang gagal mematuhi syarat dipara 9 tidak akan dikeluarkan lesen bergerak tetap. Pertimbangan hanya diberikan untuk lesen bergerak sementara bagi jangka masa 3 bulan.
5. Pelesen yang menggunakan kereta jenis jaja jenis beca roda tiga tidak perlu dibawa ke Jabatan Pengangkutan Jalan bagi pemeriksaan dan lesen. Sebaliknya dikehendaki mengambil lesen beca daripada Majlis dengan kadar RM 12.00 setahun.
6. Pemeriksaan beca akan dibuat oleh Pegawai Majlis ditapak perniagaan.

TATACARA MENJALANKAN PERNIAGAAN

1. Pejaja bergerak tidak dibenarkan sama sekali memasuki/ berniaga dimana-mana kawasan penjaja statik berkelompok.
2. Berniaga hanya di zon yang dibenarkan sahaja. Sebarang pertambahan atau pertukaran zon mestilah diluluskan oleh Majlis dengan kadar bayaran RM 30.00 bagi zon dibenarkan ialah dua (2) zon sahaja.
3. Manjalankan perniagaan jenis barang yang tercatat di dalam lesen sahaja.
4. Pelesen yang menjaja berangan makanan adalah dikehendaki manjalani pemeriksaan kesihatan dan memakai kad pengendali makanan.
5. Pelesen yang mempunyai pembantu hendaklah mendapat kebenaran Majlis dan sentiasa memakai kad pembantu setiap waktu berniaga.
6. Pelesen yang hendaklah menjaja secara bergerak di dalam zon yang ditetapkan sahaja.
7. Sebarang penggunaan meja, kerusi, tempat memasak, bangku dan lain-lain hendaklah mendapat kebenaran Majlis.
8. Tempat-tempat yang dilarang menjaja ialah:-
 - Pusat bandar
 - Di depan sekolah
 - Di persimpangan jalan

SYARAT-SYARAT KHAS MENJAJA DAGING BABI

1. Penjaja daging babi hanya dibenarkan menjual daging babi sahaja iaitu tidak termasuk bahan lain seperti sayur/ ikan/ ayam/ buahan dan lain-lain.
2. Semua proses penjualan seperti memotong, membungkus tidak boleh dibuat secara terbuka terutama tempat-tempat awam.
3. Penjualan daging-daging babi hutan mestilah mempunyai permit daripada Jabatan Kehidupan Liar.
4. Penjualan daging babi tidak dibenarkan bercampur bersama dengan penjaja-penjaja lain terutama tempat awam.

KEHENDAK-KEHENDAK

1. Penjaja dikehendaki menyediakan dan mempamerkan senarai harga barang yang dijual.
2. Melupus sampah dengan menggunakan karung plastik dan tong sampah yang sempurna.
3. Penjaja hendaklah sentiasa memastikan kereta jaja dan kawasan tapak perniagaan berada dalam keadaan bersih dan sempurna.
4. Penjaja dilarang sama sekali menjual barangan selain daripada yang dibenarkan sahaja.
5. Pembantu hendaklah mendapat kebenaran Majlis dan sentiasa memakai kad pembantu.
6. Sebarang penggunaan alat pembesar suara atau kaset bagi promosi perniagaan hendaklah mendapat kebenaran pihak polis dan Majlis.

PENGUATKUASAAN LESEN

Kegagalan tuan/ puan mematuhi syarat-syarat di atas dan peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang kecil Penjaja serta Akta / Undang kecil berkaitan atau arahan Kerajaan Negeri Majlis boleh mengambil tidakan:-

- Kompaun
- Sita/ rampas
- Menarik balik lesen
- Lain-lain tindakan yang difikirkan sesuai oleh Majlis.